

Pengeluaran industri Mac meningkat 2.4 peratus

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 2.4 peratus pada Mac 2024, didorong oleh pengembangan dalam semua sektor, menurut perangkaan terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata IPP kekal positif walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 2.4 peratus pada Mac 2024 berbanding 3.1 peratus pada bulan sebelumnya.

Beliau berkata, peningkatan itu diterajui pengembangan dalam sektor pembuatan yang meningkat sebanyak 1.3 peratus, lebih baik berbanding 1.2 peratus pada Februari 2024.

"Pada masa sama, sektor perlombongan dan elektrik masing-masing mencatatkan 4.9 peratus dan 7.8 peratus, (berbanding 8.1 peratus dan 10.9 peratus pada Februari 2024).

"Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP kembali meningkat kepada 7.5 peratus berbanding

-6.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan.


Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan berkata industri berorientasikan eksport memulih kepada 0.5 peratus pada Mac 2024 berbanding -0.2 peratus pada Februari 2024, terutamanya disokong oleh pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal dan pembuatan kok dan produk petroleum bertapis yang mencatatkan peningkatan masing-ma-

sing sebanyak 2.0 peratus dan 1.9 peratus.

Selain itu, beliau berkata, pembuatan perabot merekodkan peningkatan ketara sebanyak 12.6 peratus pada bulan berkenaan.

"Tambahan lagi, pertumbuhan industri berorientasikan eksport menggambarkan prestasi bagi eksport barangan perkilangan negara, yang memperoleh semula momentum pada Mac 2024," katanya.

Melihat kepada prestasi bebe-



rapa negara lain, IPP bagi China dan Korea Selatan meningkat sederhana, manakala Vietnam dan Taiwan kembali kepada jajaran positif pada Mac 2024, sebaliknya, Singapura mengalami kemerosotan, manakala Amerika Syarikat (AS), Jepun dan Thailand terus mengalami penurunan.

Mengenai prestasi bagi suku pertama 2024, Mohd Uzir berkata, IPP terus meningkat 3.3 peratus berbanding 0.8 peratus yang direkodkan pada suku keempat 2023.

Beliau berkata, pengembangan itu disokong oleh kenaikan yang dicatatkan dalam sektor perlombongan sebanyak 5.9 peratus dan sektor elektrik 8.9 peratus.

"Sementara itu, sektor pembuatan kembali meningkat kepada 2.1 peratus daripada negatif 0.2 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, IPP jatuh 1.0 peratus dipengaruhi oleh sektor pembuatan pada -1.8 peratus," katanya.